

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

SOALAN:

YB Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan nilai kemusnahan harta awam dan penduduk yang terlibat banjir mengikut negeri.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Ekoran dari kejadian banjir ekstrem 2014-2015, Kerajaan telah mengalami kerugian yang sangat besar. Sepertimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pengumuman Semakan Bajet 2015 lalu, kerosakan dan kerugian harta benda dan infrastruktur awam pada banjir kali ini dianggarkan sebanyak RM2.9 bilion.

Menurut perangkaan yang dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat, banjir besar yang berlaku pada musim tengkujuh yang lepas telah merekodkan jumlah perpindahan mangsa seramai 541,896 orang dari 136,447 keluarga. Kesemua mangsa-mangsa ini telah ditempatkan di 1,335 buah pusat pemindahan di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

SOALAN : 422

Tuan Wan Hasan Bin Mohd Ramli (Dungun) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menurunkan kadar bayaran cukai jalan kenderaan pacuan empat roda sama seperti Sabah dan Sarawak bagi menghargai sumbangan kesukarelawanan dalam misi bantuan banjir setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurangan kadar LKM ini boleh diberikan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang layak yang melakukan aktiviti kebajikan atau keagamaan. Ini adalah berdasarkan pertimbangan bahawa badan-badan ini menjalankan aktiviti yang tidak berteraskan keuntungan. Pengurangan kadar bayaran cukai jalan untuk kenderaan pacuan empat roda bagi menghargai sumbangan kesukarelawanan dalam misi bantuan banjir boleh diberikan atas justifikasi yang dirasakan bersesuaian oleh Menteri Pengangkutan serta dengan persetujuan oleh Kementerian Kewangan.